

[KUALA TERENGGANU]

Noor Shaiful Fitri terima Anugerah Pingat Emas Canselor # xflogof f\$4



Noor Shaiful Fitri (tengah) menunjukkan pingat emas yang diterimanya kepada dua rakannya selepas Majlis Konvokesyen Kali Ke-5 UMT.

SEKALIPUN pengurusan maritim bukan bidang pilihannya pada peringkat awal, namun Noor Shaiful Fitri Abdul Rahman, 23 tetap meraih kecemerlangan, muncul sebagai graduan sarjana yang menerima Anugerah Pingat Emas Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dia yang berasal dari Kuala Lumpur itu menerima pingat tersebut pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-5 UMT daripada Raja Permaisuri Agong yang juga Canselor universiti, Tuanku Nur Zahirah, di sini hari ini.

Noor Shaiful Fitri yang kini memegang

jawatan Business Development Executive di Nusaindah Industries Sdn Bhd di Shah Alam, sebuah syarikat pembuat kabel untuk Tenaga National Berhad (TNB), pernah memohon untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan.

“Saya pernah muncul sebagai pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dr Burhanuddin, Taping, Perak dan pelajar terbaik keseluruhan peringkat diploma di Universiti Putra Malaysia, Kampung Cawangan Bintulu, Sarawak,” katanya. - BERNAMA